

04 APR 1998
Mahathir-Media
PERSETUJUAN MENGENAI DISIPLIN

Oleh: Wan A. Hulaimi

LONDON, 4 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua pemimpin Eropah bersetuju tentang perlunya mewujudkan disiplin dalam sistem kewangan dalam negara masing-masing dan antarabangsa.

Beliau berpuas hati dengan hasil Mesyuarat kedua Asia-Eropah (ASEM 11) di sini yang berakhir hari ini.

Semasa menjawab soalan pada persidangan media terbuka pada akhir ASEM 11, Dr Mahathir berkata, oleh kerana itu, para pemimpin ASEM memutuskan bahawa menteri luar dan kewangan negara-negara ASEM akan mengkaji bagaimana untuk mendefinisikan amalan kerajaan yang sepatutnya berada di landasan yang betul.

Beliau berkata: "Pada masa yang sama, mereka mahu merumuskan cara untuk menjadikan sistem kewangan antarabangsa lebih stabil seperti terkandung dalam pernyataan kewangan ASEM 11."

Mereka bersetuju tentang perlunya meningkatkan ketelusan bukan sahaja bagi kerajaan tetapi bagi semua, kata Dr Mahathir.

"Ketika kerajaan diminta mengamalkan ketelusan, adalah tidak adil mereka yang menyerang kerajaan dengan "menyembunyikan wajah mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kegiatan spekulator harus dijadikan lebih terbuka termasuk dari mana wang itu datang, di mana mereka membayar cukai dan lain-lain.

Ketika ditanya apakah pandangannya sekarang berhubung dengan kritikan pasaran matawang antarabangsa oleh spekulator kewangan George Soros, Dr Mahathir menjawab:

"Pada pandangan saya, beliau dipengaruhi oleh saya. Beliau telah menukar fikiran."

Dr Mahathir yang membandingkan tanggapan Eropah dan Asia mengenai hak asasi manusia, Dr Mahathir berkata hak asasi di Asia juga meliputi hak untuk hidup, mempunyai pekerjaan dan makanan untuk dimakan.

"Oleh kerana kekusutan nilai matawang, beberapa juta orang (di Asia) telah hilang pekerjaan. Ini bermakna mereka telah hilang hak asasi manusia mereka. Hak asasi yang lebih penting ialah hak untuk mempunyai makanan, tempat berteduh dan pakaian," kata beliau.

Mengenai ASEM II, beliau berkata ia telah menghasilkan "apa yang lebih daripada apa yang saya sangka."

Perbincangan secara bebas di kalangan pemimpin amatlah baik, kata Mahathir sambil berkata pada umumnya, para pemimpin Asia dapat menyuarakan pendapat mereka.

Kepada soalan mengenai kriteria bagi keanggotaan baru ASEM, Dr Mahathir menjawab bahawa perkara itu tidak dibincangkan tetapi ketika menjawab soalan yang menyentuh Australia, beliau menyifatkan India dan Pakistan lebih bersifat Asia daripada Australia pada masa ini.

Beliau berkata, buat masa ini tidak perlu untuk memperluaskan keanggotaan ASEM kerana mahu melihat hasilnya dahulu sebelum memperluaskan keanggotaan.

Kepada soalan lain mengenai nasib pekerja Indonesia yang memasuki Malaysia dengan dokumen yang sah, Perdana Menteri berkata Malaysia akan menerima mereka asalkan mereka mempunyai kerja.

Malaysia tidak mahu membebankan Indonesia dengan banyak masalah dan akan menerima peranan negara penerima jika pekerja berkenaan boleh dibawa ke negara ketiga di Eropah atau Amerika, kata beliau.

"Mereka pekerja yang baik dna rajin," kata beliau.

Kepada soalan sama ada terdapat percanggahan antara beliau dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir menjawab bahawa Anwar bukan kembarnya dan memang mereka kadang-kala mempunyai percanggahan pendapat.

"Setiap pagi, apabila bertemu kami berbincang mengenai kedudukan kewangan. Kadang-kala pendapatnya boleh dipakai dan kadang-kala pendapat saya," kata beliau. -- BERNAMA

WAH FAZ